

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk (RPP) ini menyediakan maklumat penting tentang e-Akaun Berjangka Tetap-i (eABT-i) anda. Pelanggan lain telah membaca RPP ini dan mendapati ia bermanfaat, **anda juga harus membacanya.**

1 APAKAH ITU e-AKAUN BERJANGKA TETAP-i (eABT-i)

e-Akaun Berjangka Tetap-i (eABT-i) adalah deposit yang dijamin modalnya dengan pulangan keuntungan tetap yang memberi anda fleksibiliti untuk menguruskan dana mengikut keperluan jangka pendek atau jangka panjang iaitu tempoh minimum 1 bulan dan sehingga maksimum 12 bulan. e-Akaun Berjangka Tetap-i **dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) setakat RM 250,000 bagi setiap pendeposit.** eABT-i adalah sesuai untuk pelabur jangka sederhana dan mencari peluang untuk mendapatkan pulangan yang kompetitif daripada deposit tanpa mengira sama ada mereka adalah seorang Islam atau bukan Islam.

Akaun ini berdasarkan konsep Syariah iaitu konsep Tawarruq di mana ia melibatkan anda membeli satu komoditi dan kemudian menjual komoditi tersebut pada harga kos bersama keuntungan. Anda akan menerima hasil jualan anda dalam bentuk wang tunai berdasarkan terma-terma yang tertunda. Produk ini distrukturkan di bawah konsep Tawarruq dan menggunakan gabungan kontrak Syariah termasuk Murabahah, Wakalah dan Hamish Jiddiyyah digabungkan dengan janji di bawah konsep Wa'd.

2 KETAHUI TANGGUNGJAWAB ANDA

(a) Minimum peletakan awal adalah seperti berikut:

Jenis Pelanggan	Tempoh	RM
Runcit dan Korporat	1 Bulan	5,000
	2 Bulan dan ke atas	1,000
Korporat Borong	1 hari hingga 1 tahun	100,000

Nota: Tiada amaun maksimum deposit.

(b) Tempoh dan pilihan pembayaran keuntungan:

Jenis Pelanggan	Tempoh
Runcit	1 hingga 60 bulan (dalam gandaan 1 bulan)
Korporat	1 hingga 12 bulan (dalam gandaan 1 bulan), 18, 24, 36, 48 & 60 bulan
Korporat Borong	Semalaman hingga 1 tahun (dalam gandaan 1 hari)

Tarikh Matang:

- Jika peletakan deposit dibuat sebelum 1 Februari 2025, tarikh matang merujuk kepada tarikh yang dinyatakan dalam Slip Pengakuan Deposit/Pembaharuan
- Jika peletakan deposit dibuat pada 1 Februari 2025 atau selepasnya, tarikh matang merujuk kepada hari bekerja berikutnya selepas eABT-i matang.

Pengiraan Keuntungan	
Jumlah Keuntungan	= Jumlah Deposit x Kadar Keuntungan x Tempoh (dalam hari) / Bil. Hari dalam Tahun Tersebut (365 atau 366 hari)
Ilustrasi bagi Peletakan 1 tahun jumlah RM1,000 pada kadar 2% setahun:	
Pengiraan Keuntungan	= $\frac{RM1,000 \times 2\% \text{ p.a.} \times 365 \text{ days}}{365 \text{ days}}$
	= RM20

Nota Penting:

- Kriteria di atas adalah tertakluk kepada polisi Bank daripada semasa ke semasa.
- Akaun bersama adalah tidak dibenarkan**
- Pihak BMMB akan menanggung yuran broker.
- Pelanggan akan menerima Pengesahan Permohonan Peletakan semasa membuka akaun / peletakan deposit.
- Pelanggan boleh mendapatkan pengesahan dan butiran Peletakan pada bila-bila masa melalui i-Muamalat dalam halaman Ringkasan Akaun.

Anda bertanggungjawab untuk:



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam kontrak sebelum anda menandatangani



Pastikan akaun anda mempunyai **baki minimum** yang mencukupi setiap kali anda ingin melaksanakan sebarang transaksi menggunakan akaun tersebut.



Segera hubungi kami jika anda menghadapi sebarang kesukaran untuk akses akaun deposit anda.

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

3 KETAHUI RISIKO ANDA

Apakah risiko yang perlu dititikberatkan?

Anda akan mengalami risiko yang berkaitan dengan melaksanakan pengeluaran pra-matang. Anda adalah dinasihatkan untuk mempertimbangkan semua faktor-faktor risiko dengan sewajarnya sebelum membuat keputusan deposit.

4 TERMA UTAMA LAIN

Sekiranya anda ingin memperbaharui akaun deposit anda?

Pembaharuan Automatik

- a) Dibenarkan bagi jumlah deposit yang sama dan untuk tempoh yang sama.
- b) Dibenarkan untuk jumlah deposit bersama keuntungan dan bagi tempoh yang sama.
- c) Bagi pembaharuan automatik, keuntungan adalah berdasarkan kepada kadar keuntungan semasa di BMMB semasa pembaharuan.

Pilihan untuk tempoh berbeza

Pelanggan perlu hadir ke cawangan Bank berdekatan untuk pelaksanaan peralihan tersebut.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan e-Akaun Berjangka tetap-i, anda boleh:



Hubungi kami di:
03-26005500



Layari kami di:
[e-Akaun Berjangka Tetap-i](#)



E-mel kami melalui:
feedback@muamalat.com.my

Perakuan Pelanggan

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- ☐ Saya mengakui Bank Muamalat telah memberikan kepada saya salinan RPP
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam RPP ini.

**Perakuan Pelanggan ke atas RPP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk*

Nama:

Tarikh:

Maklumat yang diberikan di dalam risalah pendedahan produk ini adalah sah pada: 1 Februari 2025